

Teliti syor seragam takwim Hijrah sama tarikh Hari Arafah, Aidiladha

- Perlu teliti pandangan penetapan Hari Arafah, Aidiladha berkaitan ibadat haji hingga perlu ikut penentuan Zulhijah di Makkah kerana mengetepikan elemen falak, mekanisme pergerakan bumi
- Seruan takwim Hijrah global sama kepada semua negara wajar disokong tetapi tak boleh bersandarkan peta dunia diratakan hingga negara di Timur termasuk Malaysia perlu ikut penentuan hilal di Makkah

Oleh Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Universiti Malaysia
Pahang (UMP)

Perbezaan tarikh Zulhijah antara negara Islam sekali lagi menjadi polemik, iaitu mengenai Hari Wukuf ditetapkan pada hari ini seperti akan dilaksanakan jemaah haji di Arafah, sebelum Aidiladha disambut esok di Arab Saudi.

Di negara ini, hilal atau anak bulan Zulhijah secara hisabnya tidak mungkin kelihatan kerana tidak melepas Kriteria Imkanurrukyah 2021 dan disahkan tidak kelihatan pada hari cerapan 29 Zulkaedah lalu di seluruh stesen cerapan rasmi.

Ini tentunya berbeza dengan Arab Saudi apabila hilal Zulhijah kelihatan. Orang awam memahami dengan rujukan tarikh Masihi dan peta unjuran Merkator yang diratakan dengan penentuan timur dan barat, tarikh awal Zulhijah dan Hari Wukuf antara Malaysia dengan Makkah atau Arab Saudi adalah berbeza.

Tidak dinafikan jumhur ulama mengharuskan perbezaan penentuan tarikh Hijrah di seluruh dunia berdasarkan cerapan di negara masing-masing. Dalam falak, praktik ini dirujuk sebagai perbezaan matla' atau tempat terbit anak bulan dengan matla' hilal bagi setiap negara adalah berbeza.

Namun, sebahagian berpandangan bahawa keharusan perbezaan tarikh Hijrah ini tidak terpakai untuk bulan Zulhijah. Antara tokoh mendokong pandangan ini adalah bekas Timbalan Pengerusi Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah, Allahyarham Dr Faysal Mawlawi bersandarkan hujah Aidiladha adalah selari dengan tarikh penting berkaitan ibadat haji yang hanya dilaksanakan di Makkah. Ini termasuklah Hari Arafah pada 9 Zulhijah; Aidiladha (10 Zulhijah) dan Hari Tasyrik (11 hingga 13 Zulhijah).

Dengan tarikh Zulhijah selari dengan tarikh di Makkah, maka hilanglah semua khilaf fiqh yang turut berkaitan umat Islam di luar Makkah termasuk galakan berpuasa 9 Zulhijah, tegahan mencukur bulu dan mengerat kuku hingga korban disembelih dan hukum fiqh berkaitan.

Ringkasnya, mereka menyeru hanya satu takwim Hijrah global diwujudkan sekurang-kurangnya untuk Zulhijah.

Hakikatnya, isu khilaf ini perlu disantuni. Usaha mewujudkan takwim Hijrah global berpaduan tarikh di Makkah untuk Zulhijah adalah baik dan perlu dikembangkan, namun ia perlu difahami tanpa mengetepikan elemen falak dan hay'ah atau mekanisme pergerakan bumi ini.

Dengan jarak antara Malaysia dengan Makkah sejauh 7,000 kilometer, umat Islam perlu bertanya kembali apakah maksud tarikh seragam dan universal. Adakah keseragaman itu perlu dirujuk berdasarkan takwim Masihi, iaitu tarikh Hijrah perlu sama dan serentak dengan takwim Masihi di seluruh dunia?

Adakah keseragaman ini dirujuk kepada peta dunia, yang asalnya berbentuk sfera, lalu diunjurkan ke atas kertas rata dengan timur dan baratnya, maka seluruh kawasan perlu mempunyai tarikh Hijrah sama?

Hakikatnya, kedua-dua persoalan ini menggambarkan kelemahan hujah menyeru wujudnya kalender seragam dengan mengetepikan faktor perbezaan matla' dan kenampakan hilal tempatan.

Nas al-Quran dan hadis berkaitan penentuan tarikh baharu dan ibadat seperti puasa 9 Zulhijah, ibadat pada 10 hari pertama Zulhijah dan tegahan mencabut bulu serta mengerat kuku hingga korban disembelih, tidak mengaitkan ia dengan perbuatan haji, sebaliknya apa yang dirujuk dalam nas ialah kenampakan hilal dan tarikh.

Aidiladha sendiri mula disambut pada tahun kedua setelah Nabi SAW berhijrah ke Madinah, sementara ibadat haji hanya mula difardukan pada tahun keenam Hijrah.

Tiada kaitan tuntutan syarak

Ini bermaksud tiada kaitan tuntutan syarak bagi mukalaf mengerjakan ibadat haji di Tanah Haram dengan mereka yang berada di luar Tanah Haram. Sekiranya sebab pensyiaran merujuk kepada tarikh dan masa tertentu, maka rujuklah tarikh

tempatan. Bukannya merujuk tarikh dan masa luar negara.

Dalam memahami isu ini, orang awam perlu mengelakkan daripada terperangkap dengan persamaan dengan tarikh Masihi. Antara tarikh kalender itu dengan Hijrah, kedua-duanya mempunyai mekanisme penentuan awal bulan berbeza.

Ini ditambah pula dengan seruan keseragaman global mengikut tarikh Makkah. Secara peribadi, penulis menyokong usaha mewujudkan satu takwim global disepakati di seluruh dunia tetapi syaratnya tidak boleh bersandarkan kepada peta dunia diratakan dengan negara paling timur seperti Timor-Leste dan Malaysia perlu mengikut isbat hilal di Makkah.

Kalau dipaksa mengikut masa di Makkah akan tetap wujud kumpulan mengeluarkan teori bagaimana kita boleh menyambut Aidiladha, lebih awal berbanding Arab Saudi.

Secara astronominya, disebabkan bulan baharu hanya ditentukan berdasarkan rukyatul hilal, adalah menjadi kebiasaan negara di belah timur tidak akan nampak hilal berbanding negara di sebelah barat dengan rujukan tarikh Masihi sama.

Seruan untuk bersifat simplistik seperti mengikut sahaja tarikh Makkah, pastinya akan menafikan nas dan kepintaran manusia.

Keseragaman tarikh sebenarnya boleh wujud apabila mana-mana negara di sebelah Timur yang nampak hilal terlebih dahulu, maka seluruh negara di belah Barat akan mengikut isbat hilal negara berkenaan.

Ini lebih menepati syarak, kerana lebih mengutamakan pematuhan nas untuk melihat anak bulan. Maka walaupun secara kalender Masihi dilihat berbeza satu hari, hakikatnya umat Islam masih seragam dengan kalender Hijrah yang sama.

Ringkasnya, umat Islam perlu mengelakkan pertengkar dengan masing-masing menghormati tarikh Hijrah tempatan. Didoakan agar usaha untuk mewujudkan satu kalender Hijrah global akan menjadi kenyataan berdasarkan kepada penetapan syarak dan kesepadan umat seluruh dunia.

